

15 MAR 1997

Mahathir-Pekerja

KERAJAAN TAK HALANG RAKYAT BEKERJA DI SINGAPURA, KATA MAHATHIR

KANGAR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia bebas untuk bekerja di mana-mana negara, termasuk Singapura sekiranya mereka berpendapat gaji yang diperolehi lebih lumayan berbanding di negara sendiri.

Sehubungan itu kerajaan tidak bercadang menghalang rakyat daripada bekerja di Singapura, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan berita selepas majlis perhimpunan pemimpin bersama rakyat di Dewan Warisan, di sini, sempena lawatan sehari beliau ke Perlis hari ini.

Beliau berkata: "Kalau mereka berpendapat mereka dapat pendapatan yang berlebihan di Singapura, tidak mengapa.

Kita tidak akan menghalang mereka dan begitu juga, kita tidak menghalang jika mereka hendak balik."

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta pendapatnya mengenai isu pekerja Malaysia di Singapura, yang timbul setiap kali berlaku masalah di antara kerajaan kedua-dua negara.

Khamis lepas, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek menasihatkan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura kembali ke tanah air kerana sumbangan mereka tidak dihargai oleh republik itu.

Menurutnya mereka tidak harus terus menyumbang tenaga di sana semata-mata kerana gaji yang lebih sedikit berbanding di negara ini sedangkan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew menghina Malaysia.

Bekas Perdana Menteri Singapura itu, dalam afidavitnya terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong, menyebut Johor sebagai negeri yang terkenal dengan kejadian "tembak-menembak, samun dan merampas kereta".

Kenyataannya itu menimbulkan kemarahan pelbagai pihak di negara ini, termasuk kerajaan yang membuat bantahan rasmi terhadap kerajaan republik itu.

Khamis lepas, Lee memohon maaf kepada kerajaan Malaysia kerana membuat kenyataan itu.

Ketika ditanya mengenai isu itu hari ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu mengulas perkara itu lagi.

"Saya tidak mahu cakap lagi...saya mahu berjumpa menteri-menteri saya dahulu," katanya.

Mengenai pandangan rakyat tentang isu itu, Perdana Menteri berkata: "Kita dah pun baca ...kamu sudah lapor dalam tv, suratkhbar. Tak kan nak buat pungutan suara pula."

Perdana Menteri berkata beliau belum dimaklumkan sama ada kerajaan Singapura sudah menjawab nota diplomatik yang dikemukakan kepadanya, yang mengandungi bantahan rasmi kerajaan Malaysia terhadap kenyataan Lee itu.

"Saya tidak tahu (sama ada sudah dijawab). Saya perlu tunggu Menteri Luar maklumkan dulu." -- BERNAMA

MFJ RON